

# PM jamin tiada penganiayaan

Oleh Ibrahim Yahaya, Manja Ismail, Lichong Angkui, Mohd Shah Abdullah, Izman Ismail, Faizal Fadzil, Zairee Zahir, Nurul Adlina Salina Abdullah dan A Karim Mustafa.

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan tidak akan berlaku sebarang ketidakadilan atau penganiayaan terhadap sesiapa dalam pelaksanaan pindaan perlembagaan Umno untuk membanteras politik wang.

Menurut Presiden Umno, cara peraturan itu dikuatkuasakan akan melalui pelbagai peringkat tapisan dan keputusan akhirnya terletak kepada budi bicara Majlis Tertinggi (MT).

Katanya, peruntukan yang terkandung dalam pindaan perlembagaan parti itu adalah garis panduan semata-mata yang mesti dipegang oleh setiap ahli.

"Kita perlu sedar bahawa amalan ini (rasuah) tidak baik bagi kita kerana ia akan membawa kebinaasaan serta bencana yang amat besar kepada diri kita dan kerana itulah kita tidak patut mengamalkannya," katanya.

Berucap menggulung perbahasan Perhimpunan Agung Khas Umno petang

ini, Dr Mahathir berkata, cara hukuman terhadap mereka yang melanggar peraturan itu akan melalui pelbagai proses, termasuk memberi peluang kepada mereka yang terbahit mengemukakan rayuan.

Menurutnya, tindakan terhadap seseorang tidak akan diambil hanya berdasarkan kepada satu aduan kerana ia akan menimbulkan ketidakadilan kepada orang berkenaan.

Ini, katanya, perlu kerana kemungkinan ada kalangan tertentu yang berniat jahat menjatuhkan orang yang dibenci dengan membuat tuduhan melulu.

"Dulu saya mengatakan bahawa tuduhan mestilah bersandarkan kepada sekurang-kurangnya tiga aduan barulah tindakan diambil. Namun ia adalah subjektif... mungkin dua atau satu aduan pun kita ambil tindakan, jika tuduhan itu berasas, ia akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Disiplin.

"Tetapi jika ada ahli yang tidak mahu membuat aduan, umpamanya

terhadap ketua cawangan sendiri, parti boleh mendapatkan laporan daripada saluran lain.

"Kalau usaha parti itu disekat di peringkat bahagian atau Badan Perhubungan sekali pun, ia boleh diatasi kerana kita hendak gejala itu dipertimbangkan sewajarnya," katanya.

Beliau juga menegaskan jika ada ahli Jawatankuasa Disiplin 'memihak kepada pihak tertentu, parti mempunyai cara sendiri mengatasinya.

Dr Mahathir berkata, sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Disiplin tidak akan dilaksanakan sehingga dirujuk kepada MT yang akan menimbangnnya pula secara terperinci.

"Melihat kepada proses tapisan dan pertimbangan ini, saya yakin tidak akan berlaku perkara yang disebut sebagai ketidakadilan pelaksanaan penguatkuasaan (miscarriage of justice)," katanya.

Mengenai perbahasan itu, Perdana Menteri berkata, beliau amat gembira kerana sudah wujud per-

ubahan sikap perwakilan yang sependapat perlunya gejala politik wang itu dibanteras.

Katanya, perubahan nada suara perbahasan itu menunjukkan ahli parti sudah insaf dan sedar bahawa amalan itu tidak baik.

Dr Mahathir berharap menerusi pindaan yang dibuat itu dapat menghapuskan gejala rasuah yang seakan-akan menjadi amalan biasa dalam parti yakni diterima umum dan pemberian/penerimaan itu dilakukan di atas meja pada 1993.

"Mungkin apa yang diperkatakan dalam perbahasan akan tertinggal sebagai perkataan saja, tetapi tidak diamalkan. Tetapi sekurang-kurangnya kita sekali lagi menyebut bahawa rasuah itu tidak baik dan membawa kepada akibat buruk.

"Saya yakin kalau adapun rasuah selepas ini, ia akan berlaku di peringkat bawah meja... mungkin jauh di bawah, mungkin tidak langsung. Inilah harapan kita semua sebenarnya," katanya.